



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	4/4/2019	MUKA SURAT : 22
JABATAN	:	SPAN	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

UITM Siswa Rakan SPAN pertama

*Langkah
berkesan
menyampaikan
mesej supaya
berjimat*

SITI KHARULNISAH
MOHAMMED BAIURI

SHAH ALAM

Universiti Teknologi MARA (UITM) Shah Alam dipilih sebagai Siswa Rakan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang pertama dalam usaha menyampaikan mesej mengenai penggunaan air di kalangan mahasiswa. Pengarah Unit Komunikasi dan Hal Ehwal Pengguna Bahagian Pengurusan



Mohd Fazil (tengah) bersama-sama tetamu dan mahasiswa UITM dalam pelancaran Program Siswa Rakan SPAN peringkat UITM.

Korporat, Mohd Fazil Ismail berkata SPAN mengambil pendakatan memilih UITM Shah Alam sebagai Siswa Rakan SPAN dalam usaha menyampaikan mesejnya kepada golongan itu dengan lebih berkesan.

Katanya, sebelum ini, pihaknya mengambil pendekatan dengan berjumpa dengan pengguna di kawasan tumpuan orang awam dan kini SPAN mengambil perubahan dengan mendekati golongan mahasiswa

untuk memudahkan menyampaikan mesejnya. "Pemilihan UITM sebagai Siswa Rakan SPAN kerana Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ini mempunyai kampus di seluruh negeri dan ia juga memu-

ndakan kita 'capture' mahasiswa seluruh negeri di dalam Malaysia. "Sebagai contoh, kita lakukan pertandingan kolej cekap air, kita boleh lakukan ke seluruh Malaysia dengan penglibatan dari

pelajar dan kampus yang banyak sekaligus mendedahkan kita menyampaikan mesej SPAN," katanya. Beliau berkata demikian kepada Kampus Uols selepas Majlis Pelancaran Program Siswa Rakan SPAN peringkat UITM di Dewan Platinum, Kolej Melati, UITM Shah Alam.

Mohd Fazil berkata, pihaknya tidak menatapkan sebarang Sistem Pertunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk bilangan Siswa Rakan SPAN.

Katanya, pihaknya juga mahu golongan ini membawa elemen SPAN untuk membantu meningkatkan penggunaan air.

"SPAN tidak mahu mahasiswa mendaftar secara individu dan apa yang kita mahu mereka untuk ikut kami di Facebook," katanya.